



PANDUAN PENYERTAAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF SEKTOR AWAM (KIKSA) PERINGKAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG DAN PEJABAT DAERAH & TANAH NEGERI PAHANG TAHUN 2025

PENGENALAN

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KIKSA) Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Pahang Tahun 2025 (KIKSA SUK-PDT Negeri Pahang 2025) merupakan satu platform strategik yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif anggota perkhidmatan awam dalam inisiatif penambahbaikan berterusan. Usaha ini selaras dengan aspirasi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan serta produktiviti jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini. Penganjuran KIKSA SUK-PDT Negeri Pahang 2025 dilihat sebagai pemangkin kepada perubahan budaya kerja ke arah yang lebih cekap, berkesan dan berimpak tinggi, di samping memperkenalkan pendekatan serta amalan terbaik yang mampu menghasilkan *output* dan *outcome* yang lebih berkualiti.

Penganjuran konvensyen ini diharap dapat memupuk budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan sebagai sebahagian daripada amalan kerja dalam pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh negeri Pahang.

OBJEKTIF

- i. Menggalakkan Jabatan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang untuk terus membudayakan kreativiti dan inovasi dalam melaksanakan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan;
- ii. Memberi pendedahan kepada Jabatan mengenai pelaksanaan Horizon Baharu KIK;
- iii. Sebagai persediaan bagi menyertai Konvensyen KIK peringkat Kebangsaan.

**PANDUAN PENYERTAAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN
KREATIF SEKTOR AWAM (KIKSA) PERINGKAT PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG DAN PEJABAT DAERAH &
TANAH NEGERI PAHANG TAHUN 2025**

SYARAT UMUM :

1. Penyertaan adalah dibuka kepada kumpulan KIK daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Pejabat Daerah dan Tanah.
2. Setiap kumpulan dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sama ada projek KIK Primer dalam bidang Inovasi Sosial (kategori Penciptaan atau Penambahbaikan) atau dalam bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (kategori Penciptaan atau Penambahbaikan); atau projek KIK Hibrid.
3. Penetapan bidang dan kategori inovasi adalah berdasarkan jenis projek KIK yang dilaksanakan. Penganjur berhak menukar kategori penyertaan berdasarkan kesesuaian projek.
4. Peringkat saringan awal melalui penilaian dokumen akan diadakan dan akan dinilai oleh panel profesional yang dilantik (sekiranya perlu).
5. Kumpulan yang mengambil bahagian merupakan kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan di Jabatan masing-masing pada tahun 2024 / 2025.
6. Projek pasukan KIK yang ingin menyertai KIKSA SUK-PDT Negeri Pahang 2025 mestilah projek semasa tahun 2024 / 2025.
7. Projek KIK tersebut hendaklah belum pernah dipersembahkan oleh kumpulan dalam mana-mana konvensyen peringkat Wilayah Persekutuan / Negeri / Kebangsaan pada tahun-tahun sebelumnya. Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan sebelum konvensyen pada tahun semasa.

8. Pencalonan menyertai pertandingan hendaklah dibuat oleh Jabatan/Agensi masing-masing dengan melengkapkan Borang Penyertaan secara dalam talian (*online*) di laman web seperti berikut :

SISTEM PENGURUSAN INOVASI & KREATIF PAHANG (PIKIR)
<https://pikir.pahang.gov.my>



Dibuka mulai : 6 Oktober 2025 (Isnin)

Tarikh tutup : 17 Oktober 2025 (Jumaat)

9. Minimum bilangan ahli bagi setiap pasukan KIK Primer yang mengambil bahagian dalam KIKSA SUK-PDT Negeri Pahang 2025 adalah dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang daripada jabatan sama yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK. Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota jabatan terbabit.
10. Kriteria dan wajaran penilaian projek adalah seperti di Lampiran A.
11. Setiap pencalonan hendaklah **dikemukakan kepada pihak Urus Setia, Seksyen Kualiti dan Inovasi, Unit Korporat** melalui Sistem Pengurusan Inovasi dan Kreatif Pahang (Sistem PIKIR). Sebarang pertanyaan dan urusan surat-menyurat boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

Telefon : **09-513 9440 (Ts. Muhaimin)**
09-516 1345 (Puan Fatihah)
09-516 3403 (Puan Wan Munira)
Faks : **09-515 7448**

E-mel : qi.korporat@pahang.gov.my
Alamat : Urus setia
Unit Korporat, Tingkat Bawah, Blok C,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR

12. Urus Setia berhak menerima atau menolak penyertaan daripada mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat yang telah ditetapkan dan juga di atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu). **Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai pertandingan oleh pihak urus setia adalah MUKTAMAD.**
13. Urus Setia KIKSA SUK-PDT Negeri Pahang 2025 berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat penyertaan ini pada bila-bila masa tanpa perlu merujuk kepada peserta
14. Permulaan video/montaj tidak dikira masa tetapi terhad kepada 3 minit sahaja. Masa keseluruhan pembentangan projek kumpulan adalah dihadkan kepada 15 minit bermulanya perkataan pertama yang disebut peserta, 10 minit sesi soal jawab dan 5 minit diperuntukan untuk persiapan.
15. **Calon hendaklah mengemukakan slaid persembahan (jika berkaitan), dan laporan projek yang mengandungi keterangan projek, data, gambar, pengiktirafan diterima (peringkat jabatan/agensi, negeri, kebangsaan, antarabangsa) atau bukti lain yang jelas (masukkan dalam satu *folder* yang diberikan nama kumpulan) dengan memuat naik ke dalam *Google Drive* akaun e-mel masing-masing dan masukkan pautan folder tersebut di ruangan “Pautan Lampiran Projek (*Google Drive*)” dalam Sistem PIKIR.**

16. Sila pastikan capaian kepada *folder* tersebut adalah berada dalam status
“anyone with the link” supaya maklumat yang dikongsi dapat diakses oleh pihak penilai.

Nota : Peserta tidak perlu mengemukakan salinan dokumen (hard copy) kepada pihak urus setia.

PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI PROJEK KIKSA SUK-PDT NEGERI PAHANG 2025

RINGKASAN EKSEKUTIF

(300 — 500 patah perkataan / 1 hingga 2 muka surat)

Ringkasan Eksekutif perlu ditulis dengan ringkas (bahasa yang mudah difahami) dan padat berdasarkan penulisan penuh dokumentasi projek, pernyataan masalah atau subjek serta nyatakan solusi atau pencapaian dengan penjelasan keberhasilan (*outcome*) serta impak projek. Penggunaan grafik, butiran poin berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil bagi menyusun tema ringkasan boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.

PERINCIAN PROJEK

(3000 — 5000 patah perkataan / 10 hingga 15 muka surat)

1. Signifikan Pemilihan Projek.

Nyatakan justifikasi pemilihan projek dengan ringkas dan padat dengan merujuk kepada perkaitan dengan fungsi jabatan, memenuhi kehendak pelanggan & stakeholder dan kaitan dengan agenda nasional.

Pembuktian melalui analisis (bagi tujuan penyelesaian) - Gunakan tools sebagai pemudah untuk kumpulan memilih projek. Perhatian hendaklah kepada 5 kriteria projek KIK iaitu:

- (a) Kreatif dan Inovatif.
- (b) Impak positif yang tinggi dan menyeluruh.
- (c) Pulangan Nilai Terbaik.
- (d) Replikasi.
- (e) Pengkomersialan.

Penggunaan grafik, butiran poin berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.

2. Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian.

Nyatakan dengan ringkas dan padat mengenai strategi dan proses penyelesaian iaitu :

- a) Strategi pelaksanaan termasuk aplikasi penggunaan *tools*.
- b) Penyataan *output* dan sasaran *outcome*.
- c) Penghasilan dan pelaksanaan projek yang unik dan berimpak tinggi.
- d) Tempoh penghasilan projek.

Perakuan daripada pihak bertauliah / berkuasa dan pembuktian melalui perolehan data.

Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah / diagram / gambar / lampiran.

3. Keberhasilan Projek - *Outcome* / Impak projek dan Pembuktian.

Nyatakan Pencapaian *outcome*, strategi pelaksanaan, faedah sampingan dan pembuktian melalui data dan sumber rasmi.

Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah / diagram / gambar / lampiran.

4. Potensi Pengembangan Projek.

Nyatakan tahap ketersediaan teknologi / sistem / proses dan tahap replikasi atau pengkomersialan projek.

Pembuktian ditunjukkan dalam bentuk ringkasan rajah / diagram / gambar / lampiran.

5. Penutup

6. Lampiran

KRITERIA DAN WAJARAN PENILAIAN PROJEK KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF SEKTOR AWAM (KIKSA) PERINGKAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG DAN PEJABAT DAERAH & TANAH NEGERI PAHANG TAHUN 2025

BIL	PERKARA	WAJARAN
(a)	Latar Belakang & Penglibatan Pihak Pengurusan	4%
(b)	Signifikan Pemilihan Projek	10%
(c)	Tindakan Penyelesaian	23%
(d)	<i>Outcome</i> Projek	35%
(e)	Impak Projek	18%
(f)	Potensi Pengembangan Inovasi	10%